



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PERATURAN HOKI 6'S

1.0 NAMA

Rujuk Perkara 1 Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf Universiti Putra Malaysia 2019.

2.0 PERATURAN PERTANDINGAN

Mengikut Undang-undang dan Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf Universiti Putra Malaysia 2019.

3.0 UNDANG-UNDANG PERMAINAN

Pertandingan ini dijalankan mengikut Undang-Undang Persekutuan Hoki Antarabangsa (FIH) yang dikuatkuasakan oleh Konfederasi Hoki Malaysia (MHC).

4.0 PENYERTAAN DAN KELAYAKAN PEMAIN

Rujuk Perkara 4.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan staf Universiti Putra Malaysia 2019.

5.0 PENDAFTARAN PASUKAN/PEMBENTUKAN PASUKAN

- 5.1 Setiap pasukan dibenarkan mendaftar maksimum 12 orang pemain serta dua (2) orang pegawai di dalam Borang Pendaftaran Perlawanan seperti berikut:-

BILANGAN PEMAIN	PEMAIN	PEGAWAI
MAKSIMUM	12	2

- 5.1.2 **Borang Pendaftaran Pasukan** yang telah disahkan oleh hendaklah dihantar **selewat-lewatnya 3 hari sebelum kejohanan bermula** ke Unit Pengeloaan Sukan, Pusat Sukan, Universiti Putra Malaysia.

- 5.2 Borang Pendaftaran Perlawanan hendaklah diserahkan kepada pegawai teknikal yang bertugas di meja teknikal 15 minit sebelum perlawanan dimulakan.

- 5.3 Hanya pemain yang berdaftar di dalam Borang Pendaftaran Pemain sahaja dibenarkan mendaftar di dalam Borang Pendaftaran Perlawanan.

6.0 REFERI/PENGADIL/PEGAWAI TEKNIKAL KEJOHANAN

- 6.1 Rujuk Perkara 7.0 Peraturan Am Sukan Staf Universiti Putra Malaysia 2019
- 6.2 Pengadil yang dilantik akan disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola bermula daripada pusingan awal hingga ke perlawanan akhir.

7.0 PAKAIAN DAN PERALATAN

- 7.1 Rujuk Perkara 8.0 Peraturan Am Sukan Staf Universiti Putra Malaysia 2019
- 7.2 Setiap pasukan diminta menyediakan dua (2) set pakaian pasukan yang berlainan warna. Pakaian warna ini hendaklah meliputi seperti berikut:
- 7.2.1 Baju
 - 7.2.2 Seluar
 - 7.2.3 Stoking
- 7.3 Sekiranya pengadil mendapati kedua-dua pasukan dalam sesuatu perlawanan memakai jersi yang mengelirukan, 'home team/first mention team' wajib menukar warna jersi.
- 7.4 Penjaga gol diwajibkan memakai 'face mask/goalkeeper helmet'.
- 7.5 Semua pemain diwajibkan memakai 'shin pad' ketika bermain.
- 7.6 Semua pemain dibenarkan menggunakan kayu hoki padang (stick HokiField).
- 7.7 Tempat pertandingan (venue) akan disediakan dan ditentukan oleh Jawatankuasa Pengelola

8.0 SISTEM PERTANDINGAN

- 8.1 Rujuk Perkara 10.0 Peraturan Am Sukan Staf Universiti Putra Malaysia 2019

8.2 Pertukaran / Penggantian Pemain

- 8.2.1 Pemain boleh diganti dan dimasukkan semula pada bila-bila masa sesuatu perlawanan terhadap pemain yang didaftarkan ('rolling substitution').
- 8.2.2 Masa permainan hanya akan dihentikan sekiranya:-
- 8.2.3 Pertukaran pemain yang tercedera parah atau kehilangan keupayaan untuk bermain.
- 8.2.4 Pertukaran penjaga gol.
- 8.2.5 Semua pertukaran pemain hendaklah dilakukan dihadapan meja teknikal dan dikawalselia oleh Pegawai Teknikal yang bertugas.
- 8.2.6 Sekiranya pertukaran pemain adalah dengan ketua pasukan, pasukan berkenaan hendaklah melantik seorang daripada pasukannya yang berada di dalam padang untuk menggantikan ketua pasukan yang sedia ada.

8.3 Tindakan Tatatertib

- 8.3.1 Semua pemain/pegawai adalah dilarang mengeluarkan kata-kata kesat dan berkelakuan kurang sopan terhadap pengadil/Pegawai Teknikal semasa di dalam dan diluar padang. Tindakan tatatertib akan dikenakan kepada sesiapa yang melanggar peraturan ini.
- 8.3.2 Berikut adalah mata demerit yang dikuatkuasakan untuk tindakan disiplin mengikut jenis-jenis kad tersebut:-
 - 8.3.2.1 Tiga (3) Kad Hijau disepanjang pertandingan akan digantung satu perlawanan.
 - 8.3.2.2 Dua (2) Kad Hijau dan satu (1) kad Kuning disepanjang pertandingan akan digantung satu perlawanan.
 - 8.3.2.3 Dua (2) Kad Kuning sepanjang pertandingan akan digantungf satu perlawanan berikutnya.
 - 8.3.2.4 Satu (1) Kad Merah akan digantung satu perlawanan atau beberapa perlawanan dan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal Pertandingan, jika perlu pemain akan dirujuk kepada Lembaga Tatatertib Kejohanan.
- 8.3.3 Semua penggantungan adalah berjalan serta merta (automatik) dan adalah menjadi tanggungjawab Pengurus Pasukan untuk mengambil tindakan yang sapatutnya.

9.0 CARA MENENTUKAN KEPUTUSAN

9.1 Perlawanan akan dijalankan secara liga satu kumpulan (Round Robin)

9.1.1 Pemberian mata:

Menang	-	3 mata
Seri	-	1 mata
Kalah	-	0 mata

9.1.2 Jika dua (2) atau lebih pasukan memperolehi mata yang sama, maka pemenang akan ditentukan seperti berikut:-

9.1.2.1 Pasukan yang memenangi lebih perbezaan gol akan dikira pemenang.

9.1.2.2 Jika masih sama, pasukan yang menjaringkan lebih banyak gol dikira pemenang.

9.1.2.3 Jika masih sama, pasukan yang telah mengalahkan pasukan lawannya dalam perlawanan awal akan dikira pemenang.

9.1.2.4 Jika masa sama, pemenang akan ditentukan melalui

sistem pukulan penalti (Perkara 9.3)

9.1.3 Sekiranya mana-mana pasukan gagal bermain sesuatu perlawanan, pasukan lawan hendaklah diberi tiga (3) mata dengan jaringan 2-0. Jika terdapat mana-mana pasukan digantung atau menarik diri dari pertandingan atas apa-apa sebab jua pun mata dan jaringan gol yang memasuki atau kena hendaklah diambil kira

9.1.4 Bagi perlawanan akhir, jika kedudukan seri selepas sepenuh masa tamat. Maka pemenang akan ditentukan secara berikut:-

9.1.4.1 Perlawanan masa tambahan 5 x 2 x 5 minit secara 'golden goal' akan dijalankan setelah pasukan terbabit berehat lima (3) minit.

9.1.4.2 Jika keputusan masih seri setelah masa tambahan tamat, sistem pukulan penalti (Perkara 9.3) akan dijalankan.

9.2 Sistem Pukulan Penalti

9.2.2 Semua pemain yang didaftarkan dalam perlawanan tersebut adalah layak untuk mengambil pukulan penalti dan pemain yang sedang menerima hukuman pergantungan adalah tidak layak mengambil pukulan penalti.

9.2.3 Pengurus pasukan bertanggungjawab untuk mendaftar tiga (3) orang pemain untuk mengambil pukulan dari tanda penalti yang akan dijalankan secara 'sudden death'.

9.2.4 Pengadil akan memutuskan gol mana pukulan penalti akan dijalankan.

9.2.5 Pengadil akan membuat undian untuk menentukan pasukan mana yang akan memulakan pukulan penalti terlebih dahulu.

9.2.6 Pemain yang didaftarkan untuk mengambil pukulan penalti sahaja dibenarkan berada di kawasan padang.

9.2.7 Penjaga gol boleh ditukar pada bila-bila masa sahaja dengan pemain-pemain yang berdaftar (Perkara 9.3.2) sahaja semasa pukulan penalti itu dijalankan.

9.3 Masa Permainan

9.3.2 7 x 2 x 7 minit untuk semua peringkat liga satu kumpulan.

9.3.3 10 x 5 x 10 minit untuk peringkat akhir

9.3.4 5 x 5 minit untuk masa tambahan (perlawanan akhir sahaja)

10.0 KELEWATAN

- 10.1 Hanya 10 minit sahaja diberikan kepada pasukan yang lewat dan selepas itu, pihak lawanya akan diberi kemenangan percuma dengan skor 2-0.
- 10.2 Sekiranya sesuatu pasukan enggan bermain (tidak hadir) pada sesuatu perlawanan, tindakan tatatertib akan diambil oleh Jawatankuasa Teknikal/Pengelola.

11.0 MENARIK DIRI

Rujuk Perkara 14.0 Peraturan Am Sukan Staf Universiti Putra Malaysia 2019

12.0 BANTAHAN

Rujuk Perkara 15.0 Peraturan Am Sukan Staf Universiti Putra Malaysia 2019

13.0 PENANGGUHAN PERLAWANAN

13.1 Rujuk Perkara 13.0 Peraturan Am Sukan Staf Universiti Putra Malaysia 2019

13.2 Sekiranya pengadil berpendapat bahawa padang tidak sesuai untuk permainan disebabkan oleh keadaan cuaca atau kerana hal-hal yang tidak dijangkakan, perlawanan itu tidak dapat dimainkan atau sekiranya sesuatu perlawanan diberhentikan akibat hal-hal diluar kawalan kedua-dua pasukan, maka perlawanan yang ditunda atau diberhentikan itu akan ditetapkan mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh Persatuan Hoki Antarabangsa (FIH).

14.0 HADIAH

Rujuk Perkara 19.0 Peraturan Am Sukan Staf Universiti Putra Malaysia 2019

15.0 PERATURAN LAIN YANG TIDAK DINYATAKAN

Rujuk Perkara 21.0 Peraturan Am Sukan Staf Universiti Putra Malaysia 2019